

Pinjaman: Pelajar IPTA

Oleh **UM 13 SEP 2003**
ROHANA MAN dan RAJMAH HASAN SHIRAT

KUALA LUMPUR 12 Sept. – Para pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) amat berterima kasih kepada kerajaan kerana mengurangkan kadar faedah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat peratus kepada tiga peratus.

Selain itu, keputusan kerajaan mengenai jadual pembayaran balik pinjaman hanya pada tahun ketiga graduan bekerja dilihat sebagai keprihatinan terhadap pelajar yang kini terpaksa bersaing secara kompetitif dalam pasaran kerja.

Malah kelonggaran pembayaran balik pinjaman yang disusun semula secara berperingkat juga menampakkan kerajaan lebih fleksibel dan tidak menekan graduan.

Pelajar tahun akhir kursus Perakaunan Universiti Utara Malaysia, **Mohd. Redzuan Ahamed** menyifatkan kemudahan baru itu sebagai satu rahmat dan 'hadiah' kerajaan kepada bakal graduan sepertinya.

"Kami sangat bersyukur kerana bajet pada kali ini mengurangkan beban graduan dalam melangsaikan hutang belajar," katanya.

Pada pembentangan Bajet 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut mengumumkan kemudahan pembayaran balik pinjaman PTPTN juga dipanjangkan kepada peminjam di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran.

Di samping itu, pelajar yang ingin melanjutkan pengajian Islam di institusi pengajian tinggi (IPT) luar negara juga boleh

memohon pinjaman dari PTPTN dengan syarat IPT itu diiktiraf oleh kerajaan dan mereka secara wajib perlu mengambil subjek akademik.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Saiful Azhar Shaharun** menyambut baik langkah kerajaan itu kerana ia telah lama dinantikan oleh pelajar.

"Pakej pembayaran balik pinjaman serta kemudahan PTPTN yang diperluaskan kepada bidang-bidang lain termasuk agama memberi banyak faedah kepada pelajar," katanya.

Menurut graduan kursus Komunikasi Massa UiTM, **Muhammad Amyzaddin Raya**, pembentangan bajet itu disifatkan

berterima kasih kepada kerajaan

penyelamat kepada pelajar yang sebelum ini menghadapi masalah menanggung beban hutang semasa membuat pembiayaan pendidikan.

"Mengikut kaedah sekarang, peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian atau mendapat pekerjaan.

"Kita tahu ketika ini, graduan terpaksa bersaing secara kompetitif mendapat pekerjaan dan gaji yang sesuai dengan bidang masing-masing," katanya.

Bagi pelajar tahun akhir kursus Perhutanan Universiti Putra Malaysia, **Mohd. Izwan Baidawi**, *seboleh-bolehnya* beliau mengharapkan kadar faedah pinjaman empat peratus dihapuskan.

"Sekurang-kurangnya penurunan kadar satu peratus adalah memadai kerana secara rasional PTPTN juga harus menjana semula dana mereka bagi membolehkan pelajar lain mendapat pinjaman yang sama," katanya.

Sementara itu, lima pelajar Universiti Malaya (UM) yang ditemui turut menyifatkan pengurangan kadar faedah pembayaran balik PTPTN itu sebagai hadiah kepada keseluruhan pelajar.

Pelajar tahun dua, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM, **Teh Yuen Tat** berkata, ia merupakan satu inisiatif yang sangat baik kepada pelajar.

Menurutnya, pembayaran balik yang hanya dibuat selepas tiga tahun graduan bekerja mengurangkan bebanan dan tekan-

an perasaan graduan yang kini banyak menganggur.

"Sebelum ini, pelajar tertekan kerana memikirkan perlu menjelaskan bayaran balik pinjaman selepas enam bulan bekerja," katanya.

Pelajar tahun tiga, Fakulti Bahasa dan Linguistik UM, **Elizabeth Veloo** berkata, beliau berharap pembayaran balik pinjaman selepas tiga tahun bekerja itu turut melibatkan guru yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru.

Menurutnya, guru yang mengikuti program itu turut menikmati kemudahan pinjaman PTPTN dan berharap kaedah pembayaran balik yang dibentangkan dalam Bajet 2004 turut melibatkan mereka.